



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PENDEKATAN NEOTERIK BAGI SUBJEK PENDIDIKAN MORAL TAHUN SATU



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

NURUL A'FIFFA BINTI CHE MALEK

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PENDEKATAN NEOTERIK BAGI
SUBJEK PENDIDIKAN MORAL TAHUN SATU**

NURUL A'FIFFA BINTI CHE MALEK



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024





Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 13 (hari bulan) 8 (bulan) 2024.

i. Perakuan pelajar:

Saya, **NURUL A'FIFFA BINTI CHE MALEK, M20201000387, FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PENDEKATAN NEOTERIK BAGI SUBJEK PENDIDIKAN MORAL TAHUN SATU** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan se jelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **DR. ABU ZARRIN BIN HJ SELAMAT** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PENDEKATAN NEOTERIK BAGI SUBJEK PENDIDIKAN MORAL TAHUN SATU** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh **IJAZAH SARJANA**.

3/10/2024

Tarikh

DR. ABU ZARRIN BIN HJ. SELAMAT
PHD (USM), MA (UM), BA (UM), Ded (KOPEDA)

Tandatangan Penyelia
Jabatan Pengajian Moral dan Pendidikan Karakter,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **PEMBANGUNAN MODUL KURIKULUM PENDEKATAN
NEOTERIK BAGI SUBJEK PENDIDIKAN MORAL TAHUN SATU**

No. Matrik / Matric's No.: **M20201000387**

Saya / I : **NURUL A'FIFFA BINTI CHE MALEK**

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Signature of Student)

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: **3/10/2024**

(Signature of Supervisor)

DR. ABU ZARRIN BIN HJ. SELAMAT
(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmial Name & Official Stamp)

Jabatan Pengajian Moral, Sivik dan Pembangunan Karakter,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim,
Perak Darul Ridzuan

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction



PENGHARGAAN

Pada kesempatan ini saya mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih khas ditujukan buat penyelia saya, Dr Abu Zarrin Bin Selamat dan penyelia bersama saya iaitu Dr Mohd Afifi bin Bahurudin Setambah atas segala curahan ilmu, bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang kajian pengajian ini. Semoga Allah s.w.t mengurniakan beliau berdua sebaik-baik ganjaran atas segala jasa baik yang diberikan. Demikian pula kepada sekalian pensyarah saya yang telah mencurahkan ilmu serta pengalaman mereka dalam tempoh menuntut ilmu ini sejak dari mula sehingga kini dan selamanya. Turut dirakamkan ucapan terima kasih kepada ibunda tercinta saya; Rahimah Binti Ab Ghani dan ayahanda Che Malek Bin Che Hassan serta penguat semangat saya iaitu Encik Anuar Bin Saat kerana telah banyak memberi sokongan, nasihat, semangat serta sumber kewangan sepanjang tempoh menyiapkan kajian ini. Terima kasih khusus kepada suami tercinta kerana telah banyak membantu dalam menyiapkan disertasi ini hingga ke akhirnya. Juga tidak ketinggalan setinggi-tinggi penghargaan diutarakan kepada adik beradik dan keluarga besar dan sahabat handai yang turut sama memberi saranan serta pengalaman dalam menyiapkan kajian ini dan banyak membantu saya bagi melengkapkan kajian ini dengan sebaik mungkin. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk membina modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan reka bentuk dan pembangunan atau dikenali sebagai Design and Development Research (DDR) yang telah diasaskan oleh Richey dan Klein (2007). Kajian ini mengandungi tiga fasa utama iaitu fasa Analisis Keperluan, fasa Reka Bentuk dan Pembangunan dan fasa Penilaian. Fasa yang pertama adalah fasa analisis keperluan. Kajian dijalankan dengan mengedar borang soal selidik kepada 77 orang responden yang terdiri daripada guru yang mengajar subjek Pendidikan Moral di daerah Kelantan untuk mendapatkan data keperluan mewujudkan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu. Seterusnya fasa ke dua adalah fasa reka bentuk dan pembangunan dengan menggunakan kaedah *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Seramai 10 orang pakar yang dipilih untuk menjawab soal selidik mereka bentuk dan membangunkan kandungan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu. Dapatan fasa ke dua menunjukkan kumpulan pakar mencapai konsensus dari lapan elemen seperti pembelajaran berasaskan permainan, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran berasaskan simulasi, pembelajaran sumbang saran, pembelajaran masteri, pendekatan main peranan dan pembelajaran berasaskan perbincangan dalam merangka dan pembangunan modul. Dapatan fasa ketiga bagi melihat kesahan isi kandungan dan muka depan modul adalah mencapai kesahan yang baik. Kesimpulannya, dapatan kajian ini menunjukkan pembangunan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik wajar dibangunkan dan boleh memberikan kesan yang positif dalam membantu murid untuk menguasai mata pelajaran.



DEVELOPMENT OF A NEOTERIC APPROACH CURRICULUM MODULE FOR ONE YEAR MORAL EDUCATION SUBJECTS

ABSTRACT

This study was conducted to build a Neoteric Approach Curriculum module for the Moral Education subject in Year One. The research *Methodology* used is the design and development approach, or also known as Design and Development Research (DDR) which was founded by Richey and Klein (2007). This study contains three main phases which are the Needs Analysis phase, the Design and Development phase and the Evaluation phase. The first phase is the Needs Analysis phase. The study was conducted by distributing questionnaires to 77 respondents who are teachers teaching the subject of Moral Education in the Kelantan district to obtain data on the need to create a Neoteric Approach Curriculum module for Moral Education in Year One. Then, the second phase is the design and development phase. The second phase uses the *Fuzzy Delphi Method* (FDM). A total of 10 experts were selected to answer the questionnaire formulated to design and develop the content of the Neoteric Approach Curriculum module for the subject of Moral Education in Year One. The results of the second phase show that the expert group reached a consensus from eight elements which is Game-Based Learning, Problem-Based Learning, Inquiry-Based Learning, Simulation-Based Learning, Brainstorming-Based Learning, Mastery-Based Learning, Role Play-Based Learning and Discussion-Based Learning in the Designing and Developing phase from the module. The findings of the third phase to see the validity of the content and front page of the module are to achieve good validity. In conclusion, the findings of this study show that the development of the Neoteric Approach Curriculum module should be developed and can have a positive effect in helping students to master the subject.



KANDUNGAN

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	3
1.3 Permasalahan Kajian	10
1.4 Tujuan kajian	14
1.5 Objektif kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.8 Skop Dan Batasan Kajian	16
1.9 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.10 Definisi Operasional Kajian	21
1.10.1 Pembangunan	21





1.10.2	Modul	22
1.10.3	Kurikulum	23
1.10.4	Pendekatan Neoterik	24
1.10.5	Pendidikan Moral	26
1.11	Kesimpulan	27

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	28
2.2	Perkembangan Kurikulum di Malaysia	29
2.3	Kurikulum Pendidikan Moral	30
2.4	Perbandingan Antara Kurikulum Di Malaysia, Di Finland Dan Kurikulum Pendekatan Neoterik	33
2.5	Matlamat Kurikulum Pendekatan Neoterik	35
2.6	Fungsi Kurikulum Pendekatan Neoterik	36
2.7	Kajian lepas	36
2.8	Model ADDIE	40
2.9	Kesimpulan	44

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan	45
3.2	Reka Bentuk Kajian	46
3.3.1	Fasa Analisis Keperluan (Need Analysis)	49
3.3.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Developement)	50
3.3.3	Fasa Penilaian (Evaluation)	53



3.4	Populasi dan Sampel Kajian	54
3.4.1	Fasa Analisis Keperluan	55
3.4.2	Fasa Reka Bentuk dan Pembangunan	56
3.4.3	Fasa Penilaian (Kesahan Muka Depan Modul dan Kesahan Kandungan Modul)	55
3.5	Instrumen Kajian	58
3.5.1	Analisis Keperluan	59
3.5.2	Fasa Reka Bentuk	60
3.5.3	Fasa Penilaian	61
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	62
3.6.1	Fasa Analisis	63
3.6.2	Fasa Reka Bentuk Pembangunan	64
3.6.3	Fasa Penilaian	66
3.6.4	Rintis Keberkesanan Modul	67
3.7	Prosedur Analisis Data	69
3.7.1	Fasa Analisis Keperluan	72
3.7.2	Fasa Reka Bentuk	72
3.7.3	Fasa Penilaian	77
3.8	Kesimpulan	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	80
4.2	Fasa analisis keperluan	81
4.2.1	Demografi Responden	81

4.2.2	Mengenal Pasti Keperluan Mewujudkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral Tahun Satu. (Pendekatan Neoterik)	83
4.2.3	Mengenal Pasti Keperluan Mewujudkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral Tahun Satu. (Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik)	85
4.2.4	Mengenal Pasti Keperluan Mewujudkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral Tahun Satu. (Aktiviti Dalam Modul)	87
4.3	Dapatan kajian Reka Bentuk dan Pembangunan (<i>Fuzzy Delphi</i>)	90
4.3.1	Demografi Pakar	91
4.3.2	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Bermain.	93
4.3.3	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Masalah	93
4.3.4	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	101
4.3.5	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Simulasi.	105
4.3.6	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Sumbang Saran.	109
4.3.7	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Masteri.	113
4.3.8	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pendekatan Main Peranan.	117
4.3.9	Dapatan Reka Bentuk dan Pembangunan Bagi Elemen Pendekatan Pembelajaran Berasaskan Perbincangan.	121
4.4	Dapatan Kajian Fasa Ketiga (Penilaian Modul Kesahan Terhadap Muka Depan Modul dan Kesahan Kandungan Modul)	125
4.4.1	Penilaian Kesahan Modul (<i>Content Validaty Indeks, CVI</i>)	125
4.4.2	Penilaian Kesahan Kandungan Modul	128



4.5	Kesimpulan	130
-----	------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pendahuluan	131
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 1 (Analisis Keperluan)	132
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 2 (Reka Bentuk dan Pembangunan)	133
5.3.1	Reka Bentuk Isi Kandungan Berasaskan Pembelajaran Bermain	133
5.3.2	Reka Bentuk Isi Kandungan Berasaskan Pembelajaran Penyelesaian Masalah	135
5.3.4	Reka Bentuk Isi Kandungan Berasaskan Pembelajaran Simulasi	138
5.3.5	Reka Bentuk Isi Kandungan Berasaskan Pembelajaran Sumbang Saran	138
5.3.6	Reka Bentuk Isi Kandungan Pembelajaran Masteri	140
5.3.7	Reka Bentuk Isi Kandungan Pendekatan Main Peranan	142
5.3.8	Reka Bentuk Isi Kandungan Berasaskan Pembelajaran Perbincangan	143
5.4	Perbincangan Dapatan Kajian Fasa 3 (Kesahan Muka Depan Modul dan Kesahan Kandungan Modul)	145
5.5	Implikasi Kajian	145
5.5.1	Implikasi Terhadap Teori	145
5.5.2	Implikasi Terhadap Murid	147
5.5.3	Impikasi Terhadap Tenaga Pengajar	147



5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	148
-----	--------------------------	-----

5.7	Penutup Dan Rumusan	150
-----	---------------------	-----

RUJUKAN	152
----------------	-----

APPENDIX	
-----------------	--



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Senarai Taburan Guru Pendidikan Moral di Daerah Kelantan.	54
3.2 Kriteria pemilihan sampel pakar bagi borang soal selidik	55
3.3 Kriteria pemilihan sampel pakar bagi menjawab soal selidik	57
3.4 Pembahagian konstruk	58
3.5 Pembahagian konstruk	59
3.6 Pembahagian konstruk	60
3.7 Pembahagian konstruk	61
3.8 Kaedah Kajian Berdasarkan DDR dan Model ADDIE	69
3.9 Skala Interpretasi Skor Min	71
3.10 Skala Fuzzy Tujuh Poin	73
3.11 Informasi Content Validation Index (CVI)	76
4.1 Demografi responden	81
4.2 Analisis Keperluan Mewujudkan Modul (Pendekatan Neoterik)	83
4.3 Analisis Keperluan Mewujudkan Modul (Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik)	84
4.4 Analisis Keperluan Mewujudkan Modul (Aktiviti Dalam Modul)	86



4.5	Demografi responden	91
4.6	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Permainan	93
4.7	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Permainan	94
4.8	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah.	97
4.9	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Penyelesaian Masalah	98
4.10	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	101
4.11	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Inkuiri	102
4.12	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Simulasi	105
4.13	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Simulasi	106
4.14	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Sumbang Saran	110
4.15	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Sumbang Saran	113
4.16	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Masteri	114

4.17	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Masteri	114
4.18	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pendekatan Main Peranan	117
4.19	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pendekatan Main Peranan	118
4.20	Dapatan Nilai Threshold (d) Bagi Setiap Item Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Perbincangan	121
4.21	Dapatan Nilai Threshold (d), Peratus Kesepakatan Pakar Dan Status Penilaian Reka Bentuk Pembelajaran Berasaskan Perbincangan	122
4.22	Pengiraan CVI	125
4.23	Dapatan Kesahan Muka Depan Modul	126
4.24	Dapatan Kesahan Kandungan Modul	128



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian Yang Diadaptasi dan Diubah Suai Daripada Model ADDIE	20
2.1	Model Reka Bentuk Instruksional Model ADDIE	40
3.1	Carta Alir Prosedur Kajian Menggunakan Kaedah Fuzzy Delphi	65
3.2	Carta Alir Prosedur Kajian	70



SENARAI SINGKATAN

ADDIE	Analyze, Design, Develop, Implement, Evaluate
APSM	Akademik Pendidikan Sekolah Makmal
DDR	Design And Developement Research
FDM	Fuzzy Delphi Method
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KLSR	Kurikulum Lama Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PBM	Pembelajaran Berasaskan Masalah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PdPR	Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SWOT	Strengths, Weaknesses, Opportunities and Threats.
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
UPSR	Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah



SENARAI LAMPIRAN

- A Soal Selidik Fasa Pertama
- B Soal Selidik Fasa Kedua
- C Soal Selidik Fasa Ketiga
- D Pengesahan Pakar Soal Selidik
- E Surat Kelulusan Surat Etika Penyelidikan UPSI
- F Surat Kelulusan Untuk Menjalankan Kajian
- G Surat Pengesahan Pembentangan Dapatan Kajian
- H Contoh Modul
- I Kutipan Data Rintis di SK Seri Biram dan SK Tasik Chini





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Pendidikan moral merupakan antara subjek terpenting dalam membentuk sahsiah dan jati diri murid yang mencakupi dari aspek emosi, intelek, rohani dan jasmani seiring dengan matlamat utama mata pelajaran (Kogindran Solumuthu & Nadrajan Thambu, 2022). Pendidikan Moral adalah bertujuan untuk mencorak gaya hidup seseorang individu untuk menjadi lebih baik, memiliki keperibadian yang unggul dan mampu membezakan perkara yang baik dan sebaliknya (Fatimah Abda, 2012). Selanjutnya, kurikulum Pendidikan Moral adalah bermatlamat untuk mendidik seseorang insan yang



berintegriti serta mempunyai porsonaliti yang kukuh (Johan Istiadie, 2013; Fatimah Ibda, 2012; Baharom Mohamad, 2008)

Antara subjek teras yang perlu diperelajari oleh murid yang beragama Islam adalah subjek Pendidikan Islam. Manakala mata pelajaran Pendidikan Moral pula merupakan subjek teras bagi murid-murid yang bukan Islam. Namun, kedua-dua subjek ini mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk membentuk peribadi seseorang manusia untuk berdisiplin, beretika dan membangun masyarakat yang harmonis (Kogindran Solumuthu & Nadrajan Thambu, 2022). Seterusnya subjek Pendidikan Moral merupakan satu medium untuk melatih dan mengembangkan potensi murid dalam membentuk sahsiah dan jati diri yang sebenar. Pendidikan Moral bertujuan untuk melahirkan individu yang mempunyai keperibadian yang unggul dan mampu mengaplikasikan nilai-nilai moral dalam kehidupan harian (Suppiah Nachiappan et al., 2016; Kogindran Solumuthu, 2014). Murid merupakan aset negara yang sangat bernilai. Generasi inilah yang bakal mentadbir negara dengan cemerlang sehingga dikenal di mata dunia. Justeru, semua pihak seharusnya berganding bahu memainkan peranan masing-masing dalam pembentukan murid untuk menghasilkan generasi yang berdaya saing di peringkat global serta mempunyai kesedaran sendiri (Musliha Salma et al., 2011).

Namun, matlamat falsafah pendidikan kebangsaan seolah-olah tidak tercapai sepenuhnya kerana murid masih berada di tahap yang sama iaitu tidak memahami sedalamnya tentang penghayatan dan amalan nilai universal yang terdapat dalam agama. Oleh hal demikian, pembangunan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu mempunyai strategi yang terancang dan lengkap dan ia



dapat menarik minat dan perhatian murid untuk belajar. Modul ini juga merupakan satu usaha Akademik Pendidikan Sekolah Makmal (APSM) untuk melahirkan generasi yang bukan sahaja cerdik pandai malah untuk melahirkan ummah yang mampu menjadi aset tunjang negara di masa hadapan.

1.2 Latar belakang kajian

Kurikulum merupakan satu dokumen pembelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam membentuk rancangan pengajaran dan pembelajaran di mana kurikulum tersebut akan sentiasa berubah dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman dan waktu. Menurut Neagley dan Evan (1992), sesebuah sekolah atau institusi pendidikan mempunyai matlamat pendidikan tersendiri untuk mencapai segala ilmu pengetahuan, kemahiran, nilai- nilai dan norma serta unsur kebudayaan dan kepercayaan sesebuah masyarakat dan negara.

Kerajaan telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat dimulai pada tahun 2011. Namun, ia disemak semula untuk menemukan dasar baharu di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015. Hal ini bertujuan untuk memastikan kualiti yang dilaksanakan di sekolah rendah setanding dengan standard antarabangsa (KSSR 2015). Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memutuskan bahawa sesuatu keberkesanan pendidikan dalam Malaysia dapat diukur dengan pelajar yang berkualiti dan mampu untuk menyelesaikan sesuatu masalah dengan sempurna. Kejayaan dan kualiti murid bukan sahaja diukur dengan pencapaian Ujian Peperiksaan Sekolah Rendah (UPSR), malah ia





diukur melalui tahap penguasaan murid dalam sesuatu mata pelajaran, kecerdasan fizikal dan mental serta tahap kesihatan yang melibatkan aktiviti luar bilik darjah (Pelaporan Pentaksiran Sekolah Rendah, 2019).

Seterusnya, setiap kurikulum pelajaran telah direalisasikan melalui Dokumen Standard Kurikulum Pentaksiran (DSKP). DSKP merupakan dokumen yang menjadi kewajipan bagi semua guru dan ia juga merupakan dokumen yang memandu guru untuk merancang proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dalam kelas agar dapat mempersembahkan PdPc yang lebih menarik dan berkesan kepada murid (Nadarajan Thambu et al., 2021; Artika Rasul & Hasmadi Hassan, 2019). Selanjutnya, menurut Nur Hazirah dan Masayu Dzainudin (2020), PdPc akan menjadi lebih berkesan jika sekiranya guru bijak menggunakan teknologi dalam sesuatu pengajaran dan dengan menggunakan teknologi proses pembelajaran di dalam kelas akan menjadi lebih menarik serta murid juga akan menjadi lebih seronok untuk belajar.

DSKP kurikulum Pendidikan Moral bermatlamat untuk membentuk insan berakhlak mulia dan berintegriti yang berpegang kepada nilai universal berasaskan prinsip moral dan menyumbang ke arah perpaduan dan kesejahteraan negara serta masyarakat global (Nadarajan Thambu et al., 2021). Menurut Seow Hooi Lee & Lin Chia Ying (2019) KSSR telah menggariskan beberapa elemen utama yang perlu dikuasai oleh murid iaitu, komunikasi, kerohanian, sikap, nilai kemanusiaan, keterampilan diri, perkembangan fizikal dan estetika. Selanjutnya subjek Pendidikan Moral sebenarnya telah memberi pendedahan mengenai nilai-nilai yang baik secara berterusan sehingga peringkat sekolah menengah. Secara amnya Kurikulum Pendidikan Moral membantu murid untuk memahami, menghayati serta mengamalkan





nilai-nilai universal yang terdapat dalam negara ini dalam kehidupan yang sebar (Nadran Thambu, Aminah Abd.Rapor & Sukadari, 2021).

Seterusnya, Pendidikan Abad Ke-21 (PAK21) menekankan tentang perancangan pembelajaran yang rapi. Perancangan ini berdasarkan ketetapan objektif, isi pelajaran, strategi, kejelasan pendekatan serta bahan-bahan pengajaran yang relevan. Aktiviti PdPc yang berpusatkan murid seperti teknik-teknik interaktif dalam pembelajaran yang aktif dijadikan sebagai fokus utama dalam proses pendidikan. Hal ini merupakan satu usaha KPM untuk memodenkan kaedah PdPc. Seterusnya, kualiti sesuatu pendidikan juga bergantung pada kefahaman serta kompetensi guru dan guru juga merupakan tunjang utama kepada bidang pendidikan (Rosmah Abd Ghani, & Mariani Md Nor, 2013). Namun, sebenarnya guru juga mengalami beberapa cabaran sepanjang PdPc dijalankan sehingga menimbulkan permasalahan. Menurut Husni et al. (2018), antara cabaran yang dihadapi oleh guru adalah guru tidak bebas dalam mengatur dan mempersembahkan PdPc dengan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan dinamik, guru-guru dilihat hanya mampu berkarya dalam ruang lingkup yang agak kecil. Hal ini boleh menyebabkan penerimaan PAK21 dalam kalangan murid masih di tahap sederhana.

Di Malaysia, Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan dasar kurikulum yang baharu, akan tetapi ia juga diasaskan di atas kurikulum kebangsaan. Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan kaedah gabung jalin antara beberapa subjek menjadi satu mata pelajaran. Kurikulum Pendekatan Neoterik bermatlamat untuk melahirkan murid yang bukan sahaja mampu berfikir kreatif dan kritis malah, ia juga dapat melahirkan murid yang kalis masa depan (Mohd Hafiz, 2020). Seterusnya, menurut





Russo (2004), seseorang murid yang memiliki tahap pemikiran yang tinggi, mereka mampu untuk berfikir secara relevan dan rasional. Oleh hal demikian, apabila murid telah memiliki pengetahuan dan gaya berfikir yang kreatif serta kepintaran yang mendalam tentang ilmu akademik mahupun ilmu kehidupan, maka mereka mampu menjadi murid yang kalis masa depan dalam mengatasi dan menghadapi segala rintangan mahupun cabaran yang mendatang dalam kehidupan mereka. Hal ini demikian kerana murid merupakan generasi yang bakal memimpin negara. Selain itu, golongan ini juga merupakan pencetus kepada satu revolusi kepimpinan negara pada masa depan.

Selanjutnya, antara frasa yang penting Kurikulum Pendekatan Neoterik merupakan hasil gubahan dan inovasi ke atas Kurikulum Kebangsaan, iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Kurikulum Pendekatan Neoterik ini tidak mengubah dokumen-dokumen yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara perbezaan Kurikulum Pendekatan Neoterik dengan Kurikulum Kebangsaan adalah, pembahagian antara mata pelajaran kepada 4 kluster. Antaranya adalah, kluster pertama merupakan Kluster Numerasi & Muzikologi iaitu mengandungi mata pelajaran Matematik, Muzik dan Pendidikan Jaman. Seterusnya kluster kedua adalah Kluster Perkembangan Manusia iaitu mengandungi mata pelajaran; Sains, Pendidikan Kesihatan, dan Pendidikan Seni Visual. Selanjutnya, kluster ketiga adalah Kluster Komunikasi & Literasi Asas iaitu mengandungi mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab. Kluster keempat merupakan kluster yang terakhir iaitu Kluster Kerohanian dan Nilai. Ia mengandungi mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Kemahiran Insaniah. Ia juga mempunyai 16 domain untuk mengukur kemenjadian murid. Kurikulum Pendekatan Neoterik bermatlamat untuk





melahirkan murid yang maju dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial yang mempunyai kompetensi dalam pelbagai literasi, budaya, keinginan belajar sepanjang hayat dan mempunyai personaliti yang mulia. Murid yang dihasilkan ini bukan sahaja menjadi harapan negara, malah mereka juga berupaya menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan global. Mereka umpama kalis dengan pelbagai cabaran dan rintangan di masa hadapan (Mohd Hafiz, 2020).

Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral tahun satu dibina sebagai bahan bantuan mengajar subjek Pendidikan Moral tahun satu untuk membantu pengajar. Modul ini juga menyediakan rancangan pengajaran dari awal sesi pembelajaran sehingga akhir sesi pembelajaran (Mohd Hafiz, 2020). Modul pembelajaran dan pengajaran sebenarnya dapat membantu guru untuk mempelbagaikan strategi dan idea pembelajaran dan pengajaran supaya PdPc akan menjadi lebih seronok dan berkesan (Nurasyikin, 2015).

Selanjutnya, Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik ini dibina secara khusus untuk diberikan dan digunakan sewaktu sesi pembelajaran dan pengajaran kepada murid. Seterusnya, dengan menggunakan modul ini, guru bebas mengajar dan mengatur aktiviti pengajaran dan pembelajaran dalam bentuk jangkaan waktu belajar. Hal ini sama seperti konsep pendekatan modular. Pendekatan modular bukanlah perkara asing bagi murid dan guru. Pendekatan modular merupakan satu kaedah dan strategi yang membolehkan guru-guru mengatur setiap sesi pengajaran dan pembelajaran mengikut kebolehan dan potensi seseorang murid serta guru boleh melaksanakan pendekatan modular mengikut keadaan dan persekitaran semasa sesi pembelajaran berlangsung





(Eliza Khamis & Nor Aishah Buang, 2016). Seterusnya, pembelajaran modular memerlukan kerjasama antara murid dengan guru di mana guru bertindak sebagai fasilitator iaitu memberikan panduan dan arahan kepada murid dan murid melaksanakan sesuatu aktiviti mengikut unit-unit pelajaran yang telah disediakan dalam modul. Oleh hal demikian murid dapat mengaplikasi setiap nilai pengajaran dalam kehidupan yang sebenar (Eliza Khamis & Nor Aishah Buang, 2016; Mok Soon Sang, 2008).

Namun, apa yang dapat diamati, pengukuran konsep tersebut seolah-olah tidak selari dengan perkembangan murid. Hal ini demikian kerana, PdPc hanya berlaku dalam bilik darjah sahaja dan murid tidak diterapkan untuk mempraktikkan nilai-nilai yang ada dalam DSKP dalam kehidupan harian mereka. Hal ini menyebabkan murid akan mudah lupa tentang silibus yang telah diajar oleh guru (Suppiah Nachiappan et al., 2017). Sebelum hal ini menjadi barah, ia seharusnya ditangani dengan sebaiknya supaya generasi yang akan datang bukan sahaja mempunyai personaliti yang kukuh malah kalis masa depan.

Menurut Rosa Susanti (2013), murid merupakan aset negara yang sangat bernilai jika mereka memanfaatkan ilmu yang ada dalam kehidupan mereka. Hal ini seiring dengan perkara yang diutamakan dalam sistem pendidikan negara yang merujuk kepada perihai dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu Aspirasi Murid. Pendidikan di Melayu menekankan enam elemen dalam Aspirasi Murid. Antaranya adalah pengetahuan. Pada asasnya murid perlu menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Murid juga perlu menguasai mata pelajaran teras seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains dan Sejarah. Selain itu, murid juga perlu



didedahkan dengan pengetahuan dalam bidang yang lain seperti seni, muzik dan sukan. Seterusnya, Aspirasi murid yang kedua adalah kemahiran berfikir. Murid akan belajar cara untuk mendapatkan ilmu pengetahuan sepanjang hayat agar murid dapat mengaplikasikan dan menghubungkan kait pelbagai pengetahuan dan mewujudkan pengetahuan yang baharu. Murid juga perlu menguasai pelbagai kemahiran kognitif antaranya, penaakulan, pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Selanjutnya, kemahiran memimpin merupakan antara elemen yang penting dalam aspirasi murid dalam (PPPM) supaya murid mampu untuk bekerja dalam kumpulan dan mempunyai kebolehan untuk memimpin. Sistem pendidikan negara akan menuntun murid untuk mencapai potensi sepenuhnya dalam kemahiran memimpin. Empat dimensi kepemimpinan dalam konteks sistem pendidikan iaitu keusahawanan, berdaya tahan, kecerdasan emosi, dan kemahiran berkomunikasi dengan berkesan (PPPM, 2013).

Seterusnya, Aspirasi Murid yang keempat adalah, kemahiran dwibahasa. Setiap murid akan menguasai Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa. Setiap murid akan diberi peluang untuk mempelajari bahasa tambahan seperti Bahasa Cina dan Tamil di sekolah jenis kebangsaan. Selanjutnya, sistem pendidikan di Malaysia akan memupuk etika dan kerohanian dalam diri setiap murid agar mereka mampu dan kental dalam mendepani pelbagai cabaran dan rintangan dalam kehidupan yang sebenar dan mereka juga mampu menyelesaikan masalah secara aman serta mampu membuat keputusan yang wajar apabila berada dalam situasi yang getir. Aspirasi murid yang keenam adalah identiti nasional. Setiap murid akan berbangga apabila dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama dan kepercayaan. Semangat patriotik patut dipupuk dan diberi penekanan dalam diri murid sejak mereka kecil lagi (PPPM, 2013).



1.3 Permasalahan Kajian

Pendidikan merupakan satu proses di mana seorang guru mengajar sesuatu pembelajaran kepada murid. Guru-guru perlu kreatif mengatur langkah dan strategi yang sesuai untuk menjalankan PdPc bagi menghasilkan pengajaran yang bermutu. Guru-guru juga perlu bijak memilih bahan bantu mengajar agar dapat menarik minat murid (Mohammad Aziz Shah et al., 2014). Menurut Mudyaharjo, (2001) menyatakan bahawa pendidikan merupakan pengalaman seseorang belajar secara langsung sepanjang kehidupan mereka. Pendidikan juga boleh ditafsirkan sebagai peristiwa yang mempengaruhi perkembangan seseorang manusia ke arah yang lebih baik.

Selanjutnya, antara permasalahan dan cabaran wujud dalam melaksanakan PdPc mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah. Mata pelajaran Pendidikan Moral memerlukan pelbagai kaedah dan teknik yang sesuai berdasarkan tajuk dan nilai yang hendak disampaikan kepada murid. Kebanyakan guru meminta murid menghafal nilai yang terdapat dalam sukatan pelajaran tanpa memberi penekanan keperluan nilai dalam kehidupan murid (Suppiah Nichiappan, 2017; See Tho, 2008). Menurut Suppiah Nichiappan, Barathy Sinnasamy dan Sandra Suffian (2017) murid akan mengalami kebosanan terhadap mata pelajaran. Akibat guru yang tidak dapat menjiwai nilai pengajaran, hal ini akan menyebabkan proses PdPc menjadi hambar dan murid pula akan mengalami kebosanan untuk belajar. Hal ini sering terjadi apabila guru itu dari kalangan guru bukan opsyen Pendidikan Moral. Selain itu, kefahaman guru yang mendalam tentang subjek yang akan diajari kepada murid merupakan salah satu penguat untuk menambat minat murid. Namun, kebiasaannya subjek Pendidikan Moral diajar oleh guru yang bukan dari bidang tersebut. Hal ini mempengaruhi PdPc dalam





kelas menjadi kurang menarik kerana guru tersebut hanya berpandukan silibus semata-mata (Suppiah Nichiappan et al., 2017).

Seterusnya, sikap pihak pentadbir sekolah menganggap bahawa subjek Pendidikan Moral merupakan mata pelajaran yang tidak penting sehingga membenarkan guru bukan daripada bidang tersebut untuk mengajar subjek Pendidikan Moral. Sikap tidak cakna ini menyebabkan matlamat falsafah pendidikan tidak tercapai. Seseorang guru tidak akan dapat menjalankan PdPc dengan baik sekiranya mereka tidak memahami pengertian moral yang sebenar (Muhamad Abdillah et al., 2011; Abdul Rahman Aroff, 1986).

Seterusnya, pelbagai implikasi yang wujud semasa proses PdPc subjek Pendidikan Moral. Pendidikan Moral juga adalah subjek yang perlu diambil perhatian oleh guru mahupun para murid akan tetapi terdapat segelintir guru tidak mengambil serius terhadap mata pelajaran tersebut. Bahkan guru lebih memberi tumpuan terhadap subjek-subjek yang wajib dalam peperiksaan (Suppiah Nachiappan, et.al, 2017). Kurang bahan bantu mengajar juga boleh menyebabkan murid kurang minat dan cepat berasa bosan terhadap subjek Pendidikan Moral. Guru perlulah mencari inisiatif iaitu menggunakan pelbagai pendekatan, kaedah, teknik dan strategi untuk mempersembahkan PdPc yang lebih menarik dan berkesan. Selain itu, segelintir murid menganggap bahawa mata pelajaran Pendidikan Moral merupakan subjek yang tidak penting dan merugikan (Vishalache, 2002).

Selanjutnya, matlamat pendidikan moral adalah melahirkan murid yang mempunyai akhlak yang terpuji (Hasbullah Mat Daud et al., 2020). Akhlak dan peribadi





bukan sahaja dapat dipraktikkan dalam kelas atau semasa proses PdPc, malah murid mengaplikasikan dalam kehidupan harian mereka secara konsisten walau di mana mereka berada. Mereka umpama kalis dengan teknologi yang semakin membangun dan peredaran zaman yang semakin moden.

Pendidikan Moral merupakan satu mata pelajaran yang mempunyai landasan yang tersendiri iaitu membentuk murid mempunyai akhlak yang mulia dan mempunyai moral yang utuh seiring dengan falsafah pendidikan negara. Selain itu, mata pelajaran ini juga merupakan salah satu usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk membentuk dan melahirkan murid yang mempunyai perwatakan yang mulia, berpengetahuan yang tinggi serta semangat patriotik yang unggul. Seterusnya, apabila seseorang murid mampu mengaplikasikan nilai-nilai moral dan tingkah laku yang positif dalam kehidupan harian mereka secara konsisten, ini bermakna matlamat kurikulum pendidikan moral telah tercapai (Fatimah Ibda, 2012).

Namun, saban hari kes jenayah mahupun gejala sosial kian meningkat dari semasa ke semasa. Masalah ini semakin membarah terutamanya dalam kalangan remaja (Rozana & Nor Hashimah, 2005). Hal ini bukan sahaja membimbangkan ibu bapa dan guru-guru malah ia akan memberi impak yang negatif terhadap kredibiliti sekolah sebagai agen kawalan sosial yang seharusnya berfungsi dalam pembentukan sahsiah yang mulia kepada generasi muda (Rozana & Nor Hashimah, 2005). Tambahan, apabila sesetengah pihak memandang enteng terhadap masalah ini, hal ini berkemungkinan akan menyebabkan pelbagai komplikasi seperti keruntuhan akhlak, kes jenayah yang semakin meningkat dan paling membimbangkan adalah negara akan mengalami





kemerosotan. Seterusnya, jika hal ini tidak dibendung sejak awal lagi maka ia akan menjadi semakin parah (Ma Razhanlaily & Salasiah Hanim, 2017; Fatimah Ibda 2012).

Seterusnya, kurangnya keterlibatan ibu bapa dalam proses pendidikan anak-anak. Menurut Ahmad Asmawi & Khairul Farhah Khairuddin (2020), peranan ibu bapa dan penjaga dalam mendidik murid merupakan peranan yang terpenting dalam membentuk sahsiah dan jati diri murid untuk mencapai sesebuah tujuan dan matlamat pendidikan. Namun, ibu bapa kurang melibatkan diri dalam proses pembelajaran dan pengajaran anak-anak atas alasan kesibukkan tugas harian. Malah kebanyakan ibu bapa meletakkan tanggungjawab untuk memberi pengajaran kepada anak-anak di atas bahu guru secara menyeluruh. Justeru, jika sekiranya pencapaian anak-anak tidak mencapai prestasi yang diinginkan maka ibu bapa akan meletakkan kesalahan itu kepada guru (Ahmad Asmawi & Khairul Farhah Khairuddin, 2020; Abd Razak, 2011).

Secara rumusnya, didapati bahawa Pendidikan Moral adalah subjek yang perlu diambil perhatian sejak diawal persekolahan agar adab dan tingkah laku murid dapat dikawal dan dibimbing dengan baik. Kajian ini bertujuan untuk membina modul yang mempunyai aktiviti yang terkini iaitu mengikut peredaran zaman dan ia juga memberi penekanan kepada pengukuhan amalan tingkah laku murid. Subjek Pendidikan Moral perlu dilaksanakan dengan sebaiknya seperti subjek teras agar murid mempunyai kompetensi moral yang terdiri dari aspek pengetahuan penaakulan moral, perasaan, tingkah laku dan memahami nilai-nilai dan kepercayaan yang boleh mendorong murid berkelakuan baik (Edward Batin, 2017). Selanjutnya kajian ini juga berperanan untuk memenuhi kelompangan kajian yang terdapat untuk menilai moral murid.





1.4 Tujuan kajian

Tujuan utama kajian ini ialah untuk membangunkan sebuah Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik untuk murid tahun satu yang menjurus kepada beberapa aktiviti pembelajaran, objektif pembelajaran, standard pembelajaran serta bahan- bahan yang diperlukan dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran. Setiap aktiviti asas akan dinyatakan langkah pengajaran sebagai panduan guru untuk membuat penilaian ke atas murid. Setiap aktiviti dan latihan yang dibina adalah selari dengan DSKP. Guru akan mengikuti langkah-langkah pengajaran seperti mana yang dinyatakan dalam Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik.

Selain itu, tujuan kedua bagi kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan persetujuan pakar terhadap isi kandungan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral murid tahun satu. Antara kriteria pemilihan pakar adalah terdiri daripada guru-guru yang mengajar subjek Pendidikan Moral lebih 5 tahun dan pensyarah bidang kurikulum. Dengan adanya kesahan dari pakar, kajian ini akan menjadi lebih sistematik dan kajian ini boleh dijadikan sebagai satu panduan serta rujukan.

1.5 Objektif kajian

Secara khususnya, objektif kajian ini seperti berikut:

- a) Menenal pasti keperluan mewujudkan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam subjek Pendidikan Moral.





- b) Merangka isi kandungan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam subjek pendidikan Moral.
- c) Membangunkan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam subjek Pendidikan Moral.

1.6 Persoalan Kajian

- a) Apakah keperluan mewujudkan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam subjek Pendidikan Moral?
- b) Apakah bentuk isi kandungan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dalam subjek pendidikan Moral?



- c) Adakah modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral mempunyai kesahan baik?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat kesesuaian Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral sebagai satu kurikulum baru yang diubahsuai dengan menggabungkan antara subjek menjadi 4 kluster. Oleh yang demikian, kajian ini boleh dijadikan sebagai satu panduan dan rujukan yang penting kepada Kementerian Pembelajaran Malaysia (KPM), para akademik, ibu bapa, murid serta masyarakat.



Kajian ini memberi kemudahan kepada para akademik kerana kurikulum yang dibina menyediakan pengalaman pengajaran yang lebih baik kepada guru dengan mengurangkan jumlah mata pelajaran dan ia juga memberi peluang kepada guru untuk melaksanakan team-teaching atau pair teaching. Selanjutnya, Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral juga menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih kepada murid dengan mengurangkan mata pelajaran sekali gus ia juga dapat mengurangkan jumlah penggunaan buku teks dan buku latihan.

Seterusnya, setiap aktiviti pembelajaran yang dilampirkan dalam Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral seakan sama dengan situasi dunia sebenar jadi murid dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian (Mohd Hafiz, 2020). Hal ini juga dapat melatih murid untuk menjadi insan yang mempunyai pekerti yang mulia dan bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran luar. Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral telah memantapkan lagi pendidikan yang sedia ada dengan menambahkan beberapa komponen dan menjalankan fungsi pendidikan ke tahap yang lebih optimum dengan menjajarkan prestasi murid dalam kelas kepada pembentukan kemenjadian murid (Akademik Pendidikan Sekolah Makmal, 2020).

1.8 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membangunkan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu. Batasan kajian bermaksud had kajian yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapat gambaran yang jelas mengenai



kajian yang dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji memilih pendekatan reka bentuk dan pembangunan atau dikenali sebagai Design and Development Research (DDR).

Dalam menetapkan sampel kajian pada fasa analisis keperluan kajian ini akan dijalankan ke atas guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Moral sekolah rendah di negeri Kelantan. Seterusnya pada fasa kedua iaitu fasa reka bentuk dan pembangunan dilakukan ke atas responden yang terdiri daripada guru yang mengajar subjek Pendidikan Moral telah dipilih untuk menjawab soal selidik bagi menentukan isi kandungan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik dengan menggunakan teknik Fuzzy Delphi. Pengkaji memilih metode ini untuk membangunkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Pendidikan Moral.



Selanjutnya fasa penilaian, iaitu melibatkan 4 responden yang terdiri dari pakar.

Responden yang dipilih mempunyai latar pendidikan Ijazah Sarjana Muda dan mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 5 tahun. Responden di fasa ketiga dikehendaki menjawab soal selidik yang diberikan oleh pengkaji untuk mendapatkan data menentukan kesahan muka depan modul dan kesahan kandungan terhadap modul yang telah dibangunkan iaitu Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual kajian bermaksud satu bentuk kerangka konsep yang menerangkan secara ringkas dan padat mengenai bentuk kajian, hala tuju kajian dan



peringkat-peringkat dalam kajian yang akan dijalankan. Ia boleh diadaptasi dari mana-mana teori yang ada atau dibina sendiri berpandukan kajian-kajian lepas. Menurut Norwood (2000:78), kerangka konsep ini merujuk kepada sesuatu teori yang belum diuji. Seterusnya kerangka konsep adalah kerangka yang menunjukkan hubungan sebab dan kesan antara variable tak bersandar dan variable bersandar yang digambarkan melalui sebuah rajah.

Rajah 1.1 menunjukkan kerangka teori kajian yang diadaptasi daripada model ADDIE. Model ADDIE diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987 dan ia dikembangkan oleh Dick dan Carry pada tahun 1996 berlandaskan behaviorisme. Istilah ADDIE merupakan satu akronim bagi Analysis (analisis), Design (reka bentuk), Development (pembangunan), Implementation (pelaksanaan), dan Evaluation (penilaian) (Ummu Nasibah Nasohah et al., 2015).

Menurut Ahmad Yazid (2018), pada peringkat analisis, ia merujuk kepada proses mengenal pasti masalah dan keperluan menangani masalah. Di peringkat ini juga pengkaji perlu menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah dan mengenal pasti keperluan untuk membangunkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi tahun satu. Seterusnya di peringkat reka bentuk pula, ia merujuk kepada tinjauan perkataan untuk menentukan isi kandungan modul agar bersesuaian dengan keperluan dan keupayaan murid. Selain itu, di peringkat ini juga pengkaji akan menentukan objektif pembelajaran, bentuk penyusunan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan di sekolah (PdPc) mahupun pembelajaran dan pengajaran di rumah (PDPR).




Seterusnya, peringkat ketiga adalah peringkat pembangunan. Modul dibina berdasarkan peringkat analisis dan peringkat reka bentuk. Peringkat pembangunan merujuk kepada pembangunan draf modul. Peringkat ini bertujuan untuk menghasilkan sebuah pembelajaran dan pengajaran yang berkesan dan dapat menambat minat murid dalam meminati sesuatu mata pelajaran. Selain itu, peringkat yang keempat iaitu peringkat implimentasi merujuk kepada sesi pengujian modul yang telah disediakan. Modul akan digunakan atau dilaksanakan dalam keadaan yang sebenar. Seterusnya peringkat yang terakhir adalah peringkat penilaian untuk memastikan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik yang dihasilkan adalah bersesuaian dan wajar dibangun. Melalui penilaian ini, ia membolehkan rumusan kemampuan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik ditentukan.



berkaitan sebagai satu garis panduan untuk pembinaan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik. Proses setiap fasa boleh diulang semula jika sekiranya dapatan yang diperolehi daripada fasa penilaian kurang menepati objektif yang ditetapkan. Model ADDIE juga merupakan sebuah proses reka bentuk pengajaran lelaran (proses pengulangan) kerana setiap peringkat mempunyai penilaian formatif yang mungkin menjadi penentu kembali semula ke peringkat yang sebelumnya. Ini bermakna produk akhir bagi satu peringkat merupakan produk permulaan bagi peringkat yang seterusnya seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1 berikut (Juppri Bacotang et al., 2016).





Rajah 1.1. Kerangka konseptual kajian yang diadaptasi dan diubah suai daripada model ADDIE (2006)

1.10 Definisi Operasional Kajian

Definisi operasional kajian dirujuk sebagai definisi teori yang harus dilaksanakan dalam sesuatu teori yang diperkukuhkan oleh kajian-kajian lepas. Definisi operasional kajian digunakan oleh pengkaji untuk menjelaskan secara terperinci mengenai tajuk kajian.

Seterusnya, definisi sangat penting kerana pengertian umum dalam kajian ini mungkin berbeza. Huraian istilah menjelaskan beberapa istilah yang diguna pakai dalam tajuk kajian. Tajuk kajian ini ialah ‘Pembangunan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik Bagi Subjek Pendidikan Tahun Satu.

1.10.1 Pembangunan

Menurut Kamus Dewan edisi keempat (2019), pembangunan bermaksud perihal membangun iaitu proses membangunkan sesuatu untuk mencapai kemajuan mahupun perkembangan. Selain itu, pembangunan juga boleh didefinisikan sebagai usaha atau sesuatu kegiatan untuk memajukan dan mengembangkan sesuatu. Pembangunan boleh diertikan sebagai pengembangan atau sesuatu proses reka bentuk untuk membina sesuatu produk atau bahan sama ada bercetak atau bahan dalam bentuk media (Ahmad Fkhrudin, 2021).

Dalam konteks kajian ini, proses pembangunan modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral tahun satu adalah melibatkan beberapa proses



dan langkah-langkah iaitu mereka bentuk, membangun, membuat, melaksanakan dan membuat penilaian terhadap bahan pembelajaran yang telah dibangunkan. Pembangunan modul ini melibatkan matlamat pembelajaran, objektif pembelajaran, dan kaedah pembelajaran yang memenuhi keperluan murid.

1.10.2 Modul

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, modul bermaksud unit atau bahagian yang lengkap dengan elemen tersendiri yang melaksanakan fungsi tertentu dan dapat dibahagikan kepada unit-unit atau bab dalam sesuatu yang lebih besar, Modul boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang mempunyai tajuk pengajaran dan pembelajaran yang dibina secara sistematik dan berurutan untuk memberi kesenangan dan kemudahan kepada pengguna untuk belajar secara bersendirian atau dibimbing oleh guru atau tenaga pengajar supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan cepat dan mudah (Sidek Mohd & Jamaludin Ahmad, 2005)

Dalam konteks kajian ini, modul bermaksud media yang bercetak untuk kegunaan individu tertentu untuk melaksanakan proses pembelajaran dan pengajaran. Selanjutnya, dalam konteks kajian ini, Modul Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral merupakan satu pakej lengkap pembelajaran dan pengajaran yang wujud untuk digunakan kepada murid di mana ia merupakan modul yang fleksibel boleh digunakan di mana- mana sahaja. Modul juga mempunyai unit dan tema yang lengkap untuk memudahkan guru untuk menyampaikan isi pengajaran dan juga memudahkan murid untuk memahami nilai yang diajar oleh guru. Selanjutnya, Modul





Kurikulum Pendekatan Neoterik subjek Pendidikan Moral Tahun Satu dibina lengkap dengan panduan kepada pengguna dan mempunyai aktiviti yang menarik dan terkini. Ia merupakan modul yang fleksibel di mana modul ini bukan sahaja tertumpu pembelajaran di dalam kelas, malah ia boleh digunakan di luar kelas.

1.10.3 Kurikulum

Menurut Kamus Dewan edisi keempat, kurikulum bermaksud skop dan isi kandungan sesuatu subjek mahupun mata pelajaran di sesebuah institusi pendidikan. Kurikulum merupakan pelan yang mengandungi isi kandungan serta aktiviti pembelajaran. Ia juga boleh ditakrifkan sebagai dokumen yang mengandungi kandungan, tujuan pembelajaran dan juga situasi pembelajaran.

Menurut Ira Fatmawati (2021) menyatakan bahawa kurikulum di sesebuah institusi pendidikan berperanan penting kerana ia melibatkan proses-proses pendidikan sebagai penentu arah untuk menghasilkan kualiti yang baik bagi sesuatu pendidikan. Kurikulum juga sering berubah mengikut peredaran zaman dan waktu mengikut keperluan masyarakat. Pembinaan kurikulum memerlukan perancangan dan idea yang luar biasa serta kreatif supaya kurikulum yang dihasilkan dapat memberi impak yang positif dan dapat membentuk insan yang mempunyai peribadi yang baik (Abu Bakar Nordin, 2013).

Selanjutnya, istilah kurikulum berasal daripada perkataan Yunani iaitu *curir* yang membawa maksud pelari atau tempat untuk sesuatu perlumbaan. Menurut



Mariatul Hikmah (2020) menyatakan bahawa kurikulum adalah merupakan satu set dokumen atau dikenali sebagai bahan pembelajaran yang dirancang untuk dibekalkan kepada murid untuk dipelajari.

1.10.4 Pendekatan Neoterik

Menurut kamus Merriam Webster yang di telah diterbitkan pada 2023, neoterik boleh diertikan sebagai perkara yang baharu dan moden. Ia juga merupakan perkataan pinjaman bahasa Inggeris sejak tahun 1596 dan perkataan neōtericus diadaptasi perkataan daripada Latin yang membawa bermaksud baru-baru ini. Neōtericus pula berasal daripada neōterikós iaitu bahasa Yunani Akhir dan manakala néos pula perkataan asal dari Yunani, yang bermaksud baharu atau muda. Walau bagaimanapun, neoterik itu sendiri memasuki bahasa Inggeris kemudian daripada sinonimnya moden (yang muncul lebih awal pada abad ke- 16) dan bermodel baru (yang telah bersama kita sejak abad ke-15).

Kurikulum Pendekatan Neoterik adalah kurikulum baharu yang akan diperkenalkan oleh UPSI. Pendekatan Neoterik boleh didefinisikan sebagai sebuah pengalaman pembelajaran dan rancangan pendidikan yang sistematik dan ia juga diolah berteraskan kurikulum kebangsaan yang bersifat lebih integratif dan dinamik. Selain itu, kurikulum ini juga mencakupi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai yang selaras norma budaya dan masyarakat lokal dan global (Mohd Hafiz, 2020). Ia merupakan hasil gubahan inovasi UPSI ke atas Kurikulum Kebangsaan iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR).

Kurikulum Pendekatan Neoterik masih berpandukan dokumen yang telah disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) bagi setiap subjek. Kurikulum Pendekatan Neoterik masih lagi berpandukan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Antara perbezaan Kurikulum Pendekatan Neoterik dengan kurikulum yang sedia ada adalah, kurikulum ini mengandungi 4 Kluster Pembelajaran. Penstruktur semula antara subjek dengan subjek ini melibatkan penggabungan subjek-subjek menjadi beberapa kluster pembelajaran. Kluster pembelajaran termasuklah:

- a) Kluster Numerasi & Muzikologi (Matematik, Muzik dan Pendidikan Jasmani)
- b) Kluster Perkembangan Manusia (Sains, Pendidikan Kesihatan, dan Pendidikan Seni Visual)
- c) Kluster Komunikasi & Literasi Asas (Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Arab)
- d) Kluster Kerohanian dan Nilai (Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Kemahiran Insaniah)

Selanjutnya, Kurikulum Pendekatan Neoterik adalah sebuah kurikulum yang diadaptasi dari kurikulum kebangsaan sebagai asas tapak yang mana inovasi dari segi penstruktur dan cara penyampaian ditambah baik (Mohd Hafiz, 2020). Kurikulum Pendekatan Neoterik juga menyediakan pengalaman pembelajaran yang lebih baik kepada murid dengan mengurangkan jumlah mata pelajaran sekali gus mengurangkan jumlah buku teks dan buku latihan. Kurikulum Pendekatan Neoterik juga telah memberi ruang dan peluang kepada guru untuk menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan untuk berkarya secara kreatif dalam mereka bentuk pengalaman pembelajaran murid.



1.10.5 Pendidikan Moral

Pendidikan Moral merupakan satu subjek membentuk sahsiah dan personaliti dan meliputi pelbagai aspek iaitu, intelek, afektif dan juga sahsiah murid dalam bilik darjah. Pendidikan Moral juga bermatlamat untuk membentuk seseorang murid memiliki peribadi yang mulia, cakna, mampu menyelesaikan masalah dengan bijak dan dapat menyumbang ke arah kerohanian dan kestabilan negara serta masyarakat global (Suppiah Nachiappan et al., 2017; Baharom Mohamad et al., 2008). Selanjutnya, aspek-aspek seperti ini sangat penting dalam mendidik murid untuk mencapai tahap kematangan moral yang diinginkan serta aspek-aspek ini juga dapat membantu murid untuk sentiasa melakukan kebaikan walau di mana mereka berada.



murid kerana moral bertindak sebagai nilai teras yang seharusnya dipupuk dalam kurikulum mata pelajaran di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, DSKP Pendidikan Moral Tahun 4, 2014). Seterusnya menurut Seow Hooi Lee dan Lin Chia Ying (2019) menyatakan bahawa nilai-nilai murni perlu diterapkan kepada murid seawal pra sekolah sehingga peringkat sekolah menengah. Murid-murid yang berada di tahap satu iaitu tahun 1 hingga tahun 3 akan diberikan pendedahan tentang nilai-nilai yang berkaitan dengan sahsiah, sikap dan tabiat yang baik.

Maka, Pendidikan Moral dalam konteks kajian adalah merupakan satu mata pelajaran yang mempunyai silibus seiring dengan sukatan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu untuk mendidik anak bangsa dengan membentuk sahsiah jati diri yang berdisiplin, berakhlak mulia dan mempunyai personaliti yang unggul. Oleh itu,



dengan mewujudkan Modul Kurikulum Pendekatan Neoterik bagi subjek Pendidikan Moral adalah salah satu usaha untuk membentuk murid yang mempunyai peribadi yang unggul serta kalis masa depan.

1.11 Kesimpulan

Pendidikan merupakan satu usaha untuk membantu manusia mempunyai karakter yang berintegriti dan bermoral. Kurikulum pendidikan moral bermatlamat untuk mendidik seseorang individu mempunyai peribadi dan sahsiah yang mulia dan mampu menyumbang ke arah kesejahteraan bukan sahaja kepada negara akan tetapi kepada masyarakat global (KSSR).

Dengan wujudnya Kurikulum Pendekatan Neoterik ia akan melahirkan murid yang maju dan seimbang dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan juga sosial. Seterusnya, dengan adanya Kurikulum Pendekatan Neoterik, ia mampu melahirkan murid yang berkualiti yang mampu menyumbang kepada kemakmuran dan kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat, negara dan juga dunia serta mampu berdepan dengan pelbagai pancaroba mengikut peredaran zaman.